



DESKRIPSI DAN KRITERIA ANUGERAH PENTAKSIRAN

OBJEKTIF ANUGERAH

Anugerah ini bertujuan untuk mengenalpasti, memberi pengiktirafan serta berkongsi amalan terbaik dalam teknik-teknik pentaksiran alternatif yang berkesan dalam membantu pelajar.

DESKRIPSI

Anugerah Pentaksiran memberi fokus kepada kaedah pentaksiran alternatif yang telah berjaya mentransformasikan penilaian hasil pembelajaran sesuatu kursus secara efektif tanpa terikat dengan kaedah-kaedah konvensional seperti ujian dan peperiksaan akhir. Inovasi pentaksiran yang berpotensi tinggi untuk memanfaatkan pelajar juga boleh dipertimbangkan untuk anugerah ini.

SYARAT PERMOHONAN

- i. Permohonan terbuka kepada individu / kumpulan
- ii. Hanya satu (1) penyertaan setiap individu / kumpulan
- iii. Permohonan **MESTI** diperakukan oleh Dekan; dan
- iv. Permohonan yang diterima adalah untuk projek/inisiatif yang dibangun dan dilaksanakan pada tahun penilaian 2023

KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan dalam bentuk projek/inisiatif akan dinilai berasaskan aspek- aspek berikut

Rasional (10%)	Apakah motivasi & isu/permasalahan utama yang menggerakkan pemikiran dan reka bentuk semula?
Pendekatan (30%)	Apakah pendekatan/pemikiran dan reka bentuk semula yang digunakan?
Keterlibatan Pelajar (30%)	Bagaimana pelajar terlibat dalam pengalaman pembelajaran bermakna?
Impak ke atas Pembelajaran Pelajar (30%)	Apakah impak utama ke atas pengalaman pembelajaran dan pencapaian pembelajaran pelajar?